



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI TANAH (B.2 / B.2 EB.3)
JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalender Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



PEGAWAI TANAH

JABATAN TANAH

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)

B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)

KEKOSONGAN = DUA (2)

KELAYAKAN MINIMUM:

TANGGA GAJI B.2 EB.3:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Land Administration (Estate Management) / Land Management / Property Development and Planning / Property Management / Public Administration / Public Policy / Real Estate / Real Estate Management / Urban Estate Management* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

TANGGA GAJI B.2:


2. i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang *Land Administration (Estate Management) / Land Management / Property Development and Planning / Property Management / Public Administration / Public Policy / Real Estate / Real Estate Management / Urban Estate Management* atau bidang bersesuaian dan telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Tanah sebagai Penolong Pegawai Tanah atau jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Pegawai Tanah Kanan dalam pentadbiran pejabat dan pengurusan hal ehwal tanah bagi keseluruhan Jabatan Tanah;
2. Menyelaras perlaksanaan dan penguatkuasaan Undang-Undang, dasar dan peraturan tanah;
3. Menyelaras dan melaksanakan kutipan hasil tanah; dan
4. Menyelaras dan memproses permohonan-permohonan kemajuan dan penggunaan tanah.